

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful MediCash. Sila pastikan anda telah membaca terma umum dan syarat.</p>	<p>Takaful MediCash</p> <p>Date: <dd/mm/yyyy></p>
---	--

1. Apakah produk ini?

Takaful MediCash merupakan Pelan Takaful Caruman Berkala Tetap. Pelan ini adalah pelan perlindungan pendapatan penghospitalan sematamata dan tidak mempunyai unsur simpanan atau pelaburan. Pelan ini memberikan pendapatan harian untuk penghospitalan sekiranya Orang Yang Dilindungi menginap di hospital. Sekiranya Orang Yang Dilindungi menjadi Hilang Upaya Keseluruhan & Kekal (HUKK) yang diakibatkan oleh kemalangan, pendapatan bulanan sehingga 120 bulan akan dibayar. Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Elaun Ihsan akan dibayar. Sebagai tambahan, sekiranya tiada tuntutan diluluskan dalam tahun sijil yang lepas, Diskaun Tiada Tuntutan bersamaan 20% caruman bagi tahun sijil semasa akan diberikan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

• **Takaful**

ia bermaksud satu konsep saling membantu di mana para Peserta Takaful saling bersetuju untuk memberi sumbangan terhadap satu dana yang sama Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

• **Wakalah**

ia bermakna konsep Syariah di mana wakil akan dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful, ianya bermaksud Kami, sebagai Pengendali Takaful, dilantik sebagai pengurus untuk mengurus urus niaga Takaful bagi pihak Peserta dengan mengenakan Yuran Wakalah yang telah dipersetujui.

• **Tabarru'**

ia bermakna derma dan dalam konteks Takaful, ia adalah jumlah wang yang disumbangkan oleh Peserta ke dalam APRP berdasarkan kontrak pendermaan. Kontrak Syariah ini adalah digunakan dalam skim Takaful untuk mengelakkan elemen riba.

• **Qard**

ia bermakna pinjaman tanpa faedah yang Pengendali Takaful sediakan jika berlakunya defisit dalam APRP.

• **Hibah**

Sekiranya terdapat pengisytiharan lebih daripada APRP pada setiap akhir tahun kewangan, ia akan dikongsi antara Peserta dan Pengendali Takaful pada nisbah 50:50 berdasarkan kontrak Hibah (hadiah).

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jadual Manfaat	Tempoh Perlindungan	Pelan 100 (RM)	Pelan 200 (RM)
Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan	20 tahun		
a) Pendapatan Harian untuk Penghospitalan (sehingga 60 hari setiap tahun sijil)		RM 100 sehari	RM 200 sehari
b) Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau <i>High Dependency Unit</i> (HDU) atau di Hospital Luar Negara (sehingga 60 hari setiap tahun sijil)		RM 200 sehari	RM 400 sehari
Manfaat Pendapatan Bulanan untuk HUKK Akibat Kemalangan		RM 1,000 sebulan	RM 2,000 sebulan
Elaun Ihsan		RM 10,000	RM 20,000
Diskaun Tiada Tuntutan (sekiranya tiada tuntutan diluluskan dalam tahun sijil yang lepas)	Tidak berkenaan	20% dari caruman tahun sijil semasa	

- Kami akan membayar manfaat a) dan b) sehingga 4 kali kemasukan hospital pada setiap tahun sijil.
- Kedua-dua a) dan b) yang dinyatakan di bawah Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan adalah tertakluk kepada maksima yang sama iaitu 730 hari penghospitalan. Sijil ini tamat selepas mencapai maksima 730 hari penghospitalan.
- Manfaat Pendapatan Harian tidak akan dibayar untuk tempoh Penghospitalan yang sama jika Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau *High Dependency Unit* (HDU) atau di Hospital Luar Negara dibayar.
- Sekiranya Manfaat Pendapatan Bulanan untuk HUKK Akibat Kemalangan dibayar, manfaat lain dan caruman akan dihentikan. Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia sebelum menerima semua 120 pendapatan bulanan, baki pendapatan bulanan akan dibayar secara sekali gus.
- Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Elaun Ihsan akan dibayar secara sekali gus. Ini tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan.
- Sekiranya tiada tuntutan diluluskan dalam tahun sijil yang lepas, Diskaun Tiada Tuntutan bersamaan 20% caruman bagi tahun sijil semasa akan diberikan.

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah caruman?

- Jumlah caruman yang perlu dibuat adalah bergantung kepada jantina, mod caruman, pelan dan umur kemasukan.

Caruman Pelan 100 (RM)

Umur kemasukan (Tahun)	Lelaki				Perempuan			
	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
18 - 25	215.70	110.01	55.54	18.77	213.10	108.68	54.87	18.54
26 - 30	224.80	114.65	57.89	19.56	223.30	113.88	57.50	19.43
31 - 35	240.40	122.60	61.90	20.91	236.00	120.36	60.77	20.53
36 - 40	267.10	136.22	68.78	23.24	254.70	129.90	65.59	22.16
41 - 45	312.80	159.53	80.55	27.21	285.60	145.66	73.54	24.85
46 - 50	388.40	198.08	100.01	33.79	335.50	171.11	86.39	29.19

Caruman Pelan 200 (RM)

Umur kemasukan (Tahun)	Lelaki				Perempuan			
	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
18 - 25	266.90	136.12	68.73	23.22	261.20	133.21	67.26	22.72
26 - 30	286.60	146.17	73.80	24.93	281.90	143.77	72.59	24.53
31 - 35	321.30	163.86	82.73	27.95	310.20	158.20	79.88	26.99
36 - 40	381.60	194.62	98.26	33.20	352.50	179.78	90.77	30.67
41 - 45	479.60	244.60	123.50	41.73	421.80	215.12	108.61	36.70
46 - 50	641.00	326.91	165.06	55.77	526.00	268.26	135.45	45.76

Nota:

Caruman bagi Sijil ini adalah tidak dijamin dan Kami mempunyai hak untuk menukar caruman anda dengan memberi notis 30 lebih awal.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Yuran Wakalah

Yuran Wakalah akan ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan dari Caruman bagi membayar perbelanjaan pengurusan.

Contoh:

Orang Yang Dilindungi:

- Lelaki, Umur 30
- Pelan 200; Caruman Tahunan: RM286.60
- Mod caruman: Tahunan
- Tempoh Caruman: 20 tahun

Pengiraan:

Yuran Wakalah = [(a) x Caruman Tahunan] + (b)

Yuran Wakalah untuk tahun sijil pertama = (30.00% x RM286.60) + RM30.00 = RM115.98

Yuran Wakalah untuk tahun sijil kedua sehingga keenam = (20.00% x RM287.20) + RM30.00 = RM87.52

Yuran Wakalah untuk tahun sijil ketujuh dan seterusnya = (15.00% x RM287.20) + RM30.00 = RM72.99

Tahun sijil	(a) Peratusan (%) dari caruman	(b) Yuran Wakalah Tetap (RM)	Jumlah Wakalah (RM)	Peratusan (%) dari caruman (termasuk Yuran Wakalah Tetap)
1	30.00	30.00	115.98	40.47
2 hingga 6	20.00	30.00	87.32	30.47
7 dan seterusnya	15.00	30.00	72.99	25.47

Yuran Wakalah yang perlu dibayar oleh anda adalah sebanyak RM1,575.44 atau 27.47% daripada caruman keseluruhan selama 20 tahun.

Komisen

Tiada komisen yang akan dibayar dibawah Sijil ini.

Tabarru'

Amaun caruman selepas menolak Wakalah Fee akan diperuntukkan kepada PRIA.

Yuran Penguatkuasaan Semula

Yuran sebanyak RM50 akan dikenakan untuk penguatkuasaan semula Sijil. Untuk menguatkuasa semula Sijil, Peserta perlu membuat sebarang caruman yang tertunggak daripada tarikh caruman perlu dibuat yang terakhir.

6. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya prihatin?

- Cukai - Semua caruman dan yuran yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada cukai atau lain-lain levi kerajaan.
- Kepentingan untuk membuat pendedahan – anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata terhadap Zurich Takaful Malaysia Berhad. Sekiranya terbukti terdapat menyembunyian fakta material dan ianya merupakan penipuan yang disengajakan atau sengaja ditinggalkan, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.
- Mengikut Perenggan 4 (1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu ianya relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunapakai dan sebarang perkara yang munasabah di dalam keadaan yang boleh dijangka diketahui sebagai relevan, jika tidak,

ianya mungkin akan mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak Takaful anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami, dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang disediakan dalam Borang Permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

- Mengikut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, sekiranya Anda memohon Takaful ini semata-mata untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau ketika ada memohon Takaful ini). Anda hendaklah menjawab soalan-soalan secara penuh dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk menjawab soalan-soalan akan menyebabkan pembatalan kontrak, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak anda. Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak takaful anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami. Selain menjawab soalan dalam borang permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara-perkara lain yang anda tahu ianya relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang digunapakai. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami, dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang disediakan dalam Borang Permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah diubah.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan sijil ini dengan memulangkan dokumen sijil dalam tempoh 15 hari selepas penghantaran sijil. Jumlah caruman yang telah dilakukan akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh Ihsan - Anda mempunyai tempoh ihsan 31 hari dari tarikh caruman perlu dibuat. Sekiranya caruman masih tidak dibuat selepas tempoh ihsan, sijil akan luput.

Nota:

Sila rujuk Sijil Takaful bagi terma-terma dan syarat-syarat penuh bagi pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?

● Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan

Sijil ini tidak membayar apa-apa Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana 1 kejadian yang berikut:

- 1 Penyakit Sedia Ada;
- 2 Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan;
- 3 Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama daripada Tarikh Permulaan atau tarikh penguatkuasaan semula bagi Orang yang Dilindungi, mengikut mana-mana yang kemudian kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan;
- 4 Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomy Radial), penglihatan panjang, astigmatisme dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- 5 Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Sijil dan dilakukan oleh doctor gigi. Selain itu, perbelanjaan untuk penempatan gigi palsu atau perkhidmatan prostetik seperti *bridges*, implan and *crowns* atau sebarang penggantian tidak akan dibayar;
- 6 Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan *sequelae*, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
- 7 Apa-apa rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- 8 Kehamilan, komplikasi berkaitan kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- 9 Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
- 10 Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;
- 11 Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam manamana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan;
- 12 Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
- 13 Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya;
- 14 Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba,urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain;

- 15 Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
- 16 Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan;
- 17 Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
- 18 Belanja yang ditanggung untuk menukar jantung.

- **Manfaat Pendapatan Bulanan untuk HUKK Akibat Kemalangan**

Sijil ini tidak membayar apa-apa Manfaat Pendapatan Bulanan untuk HUKK Akibat Kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana 1 kejadian yang berikut:

- 1 Mencederakan diri sendiri atau mana-mana cubaan ke arahnya semasa waras atau tidak waras, dimabukkan oleh alkohol atau apa-apa jenis dadah/narkotik (melainkan ubat diambil mengikut had yang ditetapkan dan bagi rawatan yang diberi oleh pegawai perubatan berdaftar, tidak termasuk untuk rawatan ketagihan dadah atau alkohol);
- 2 Perang, diisytiharkan atau tidak, revolusi atau mana-mana operasi peperangan, dan sebarang tindakan keganasan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kekerasan dan / atau ancumannya, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk kepentingan politik, agama, ideologi, atau tujuan etnik atau alasan termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau untuk meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam, dalam ketakutan;
- 3 Angkatan tentera atau perkhidmatan polis semasa peperangan yang berlaku sama ada diisytiharkan atau tidak semasa di bawah arahan untuk operasi peperangan atau pemulihan ketenteraman awam (kecuali individu yang menjadi kakitangan pentadbiran);
- 4 Membuat penangkapan sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang;
- 5 Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penangkapan;
- 6 Perlumbaan berkuda atau beroda;
- 7 Hernia, *ptomaines* atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik yang akan berlaku akibat dan dengan luka akibat kemalangan);
- 8 Memasuki, mengendalikan atau menyelenggarakan, menaikkan atau menurunkan dari atau dengan mana-mana alat atau pesawat udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dalam perjalanan berjadual sebagai penumpang melalui laluan penerbangan yang ditetapkan atau sebagai penumpang dalam penerbangan komersial yang tidak dijadualkan atau pengangkutan udara tentera;
- 9 Penyertaan dalam sukan profesional (termasuk aktiviti meneroka gua, lubang bawah tanah dan lompatan bungee);
- 10 Penggunaan enjin prototaip;
- 11 Semua jenis penyakit (termasuk demam denggi dan Encephalitis Jepun), kehamilan, melahirkan anak atau sebarang bentuk keguguran;
- 12 Penyakit, kecederaan atau kehilangan lain yang berlaku sebelum Caruman permulaan dibuat atau semasa Sijil dalam status luput;
- 13 Radiasi pengionan atau pencemaran secara radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear dari proses pembelahan nuklear atau dari mana-mana bahan senjata nuklear;
- 14 Sengaja mengabaikan nasihat perubatan untuk mendapatkan rawatan untuk mencegah penyakit.

- **Elaun Ihsan**

Sijil ini tidak membayar Elaun Ihsan sekiranya Orang Yang Dilindungi mati akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Permulaan Sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian, tidak kira sama ada Orang Yang Dilindungi waras atau tidak waras. Sijil ini akan ditamatkan.

Definisi

Penyakit Tertentu

Penyakit Tertentu bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh 120 hari pertama daripada Tarikh Permulaan atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian:

- 1 Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular;
- 2 Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
- 3 Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
- 4 Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
- 5 Endometriosis termasuk penyakit sistem Pembedakan;
- 6 Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut.

Penyakit Sedia Ada

Penyakit Sedia Ada akan dihadkan kepada penyakit-penyakit yang wujud sebelum Tarikh Permulaan yang mana Orang yang Dilindungi mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang Penyakit Sedia Ada di mana:

- 1 Orang Yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan;
- 2 Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;

- 3 Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata;
- 4 Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

Nota:

Sila rujuk Sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian bagi pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan / menyerahkan sijil ini?

- Ya, anda (Peserta) boleh membatalkan Sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami.
- Jika anda memilih untuk membatalkan sijil ini selepas Tempoh Bertenang, anda hanya akan dilindungi di bawah sijil ini sehingga tarikh caruman seterusnya perlu dibayar. Tiada nilai tunai yang akan dibayar dan tiada Caruman yang telah dibayar akan dikembalikan. Apabila serahan dibuat, pelan ini akan tamat. Jika anda ingin menukar ke Takaful Perubatan dan Kesihatan yang sekarang ini dengan yang lain atau dari satu pengantara kepada pengantara lain, anda mungkin tertakluk kepada pengunderaitan dan tempoh menunggu yang baharu untuk pelan lain.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?

- Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami jika terdapat perubahan pada maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa yang ditetapkan.

10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila layari www.mycoverage.my
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich Takaful Malaysia Berhad
Level 23A, Mercu 3,
No.3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-888-622
: 03-2109 6000

Fak : 03-2109 6888

E-mel : callcentre@zurich.com.my

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

- Sila hubungi kami jika anda berminat untuk mengetahui terdapatnya produk lain yang serupa bagi perlindungan Takaful.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INI ANDA ATAU MENGHUBUNGI ZURICH TAKAFUL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT.

Zurich Takaful Malaysia Berhad didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada 10/06/2019.